

23 NOV 1996

Mahathir-anggota

MALAYSIA CUBA BANTU VIETNAM SERTAI APEC LEBIH AWAL

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MANILA, 23 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan cuba berusaha agar Vietnam diterima lebih awal sebagai anggota forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) walaupun ada persetujuan bahawa anggota baru hanya akan diterima dalam masa dua tahun.

"Kita boleh cuba," kata Perdana Menteri ketika ditanya oleh pemberita sama ada Malaysia akan mendapatkan pengecualian untuk Vietnam kerana penyertaan negara itu disokong kuat oleh Malaysia dan Asean.

Malaysia turut menyokong kemasukan Peru dalam kumpulan itu.

Sebelum itu, beliau mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Australia John Howard. kedua-dua pemimpin itu berada di sini untuk menghadiri sidang kemuncak Apec di Subic Bay Isnin ini.

Dr Mahathir berkata, memanglah beliau berpendiran bahawa Vietnam perlu menyertai Apec seberapa segera yang boleh memandangkan anggota Asean yang lain iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Singapura sudahpun berada dalam Apec.

Beliau mengulangi pendirian Malaysia bahawa Apec perlu bersifat terbuka dan menerima semua negara yang memenuhi definisi "Asia Pasifik" daripada segi geografi.

"Kita kena ikut geografilah, jangan kita memilih-milih... janganlah kalau kita kata Pasifik orang ini boleh, orang ini tak boleh," katanya.

Menteri-menteri Apec yang bermesyuarat semalam bersetuju supaya proses pemilihan anggota baru dibuat di Kanada tahun depan dan nama negara yang terpilih akan diumumkan pada mesyuarat Apec di Kuala Lumpur pada 1998.

Mengenai perjanjian teknologi maklumat (ITA) yang cuba diketengahkan oleh Amerika Syarikat untuk mendapat sokongan Apec sebelum dibawa ke mesyuarat Pertubuhan Perdagangan Sedunia di Singapura bulan depan, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu menjaga kepentingannya sebagaimana Amerika menjaga kepentingannya sendiri.

"Kepentingan Amerika ialah supaya dibebaskan semua pihak bagi membolehkannya memasuki semua pasaran tetapi kita mempunyai pasaran yang kecil dan pemain yang kecil.

"Dan kepentingan kita ialah untuk mempertahankan syarikat-syarikat kita yang masih kecil. Jadi, kedua-dua pihak jangan bertegaslah," katanya.

ITA ialah usaha Amerika untuk menghapuskan tarif terhadap keluaran teknologi maklumat menjelang tahun 2000.

Mengenai pendapat sesetengah media luar bahawa Apec lebih "beraksi" daripada Asean, Dr Mahathir berkata Asean pun kini mengadakan mesyuarat-mesyuarat peringkat tertinggi dengan lebih kerap.

Mengenai pertemuannya dengan Howard, Dr Mahathir berkata mereka bertukar-tukar pendapat mengenai beberapa isu seperti keanggotaan Apec dan pendirian mengenai ITA.

Beliau juga menjemput Howard untuk melakukan lawatan ke Malaysia tahun depan.

Dr Mahathir berkata mereka tidak membincangkan isu debat perkauman yang melanda Australia yang bermula dengan gesaan seorang Anggota Parlimen negara itu supaya Australia berhenti menerima kemasukan pendatang dari Asia.

"Itu pendapat dia. Saya tak fikir ia merupakan pendapat seluruh Australia...tak gunalah kita cakap pasal ini," katanya.

Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan Presiden Fidel Ramos dari Filipina dan Gabenor Mindanao Nur Misuari. -- BERNAMA

MAM MAI